

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 06.03.2018**

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sumbangan pelaburan KWSP di luar negara terhadap jumlah aset pelaburan dan jumlah pendapatan pelaburan serta pulangannya mengikut tahun bagi tempoh 10 tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di luar negara dan pulangan pelaburan sejak tahun 2010 adalah seperti berikut :

Peratusan Pelaburan KWSP di Luar Negara

Pendedahan Pelaburan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Domestik	90	87	83	80	77	75	71	72
Luar Negara	10	13	17	20	23	25	29	28
Jumlah Aset Pelaburan KWSP (RM Bil)	440.52	469.04	526.75	589.87	636.53	684.53	731.11	791.48

Pulangan Pelaburan KWSP

Portfolio	Pulangan Pelaburan (ROI) (%)							
	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Domestik	5.87	6.56	6.82	6.50	6.34	5.74	6.18	6.08
Luar Negara	7.46	6.90	7.13	8.61	10.45	12.84	9.73	10.83
Keseluruhan Pelaburan KWSP	6.08	6.58	6.87	6.97	7.25	7.47	7.12	7.30

Memandangkan pelaburan dalam ekuiti tersenarai global bermula pada tahun 2010, pendedahan pelaburan di pasaran luar negara sebelum tahun tersebut adalah tidak signifikan.